



# ATech perkukuh khidmat pembuatan elektronik

**Syarikat laksana IPO segerakan perancangan kembangkan operasi**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Aurelius Technologies Bhd** (ATech), penyedia perkhidmatan pembuatan elektronik (EMS) yang akan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 16 Disember ini komited mengukuhkan kedudukannya dalam pasaran berkenaan pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ATech, Lee Chong Yeow, berkata syarikat melaksanakan tawaran awam permulaan (IPO) bagi membolehkannya menyegerakan pelaksanaan perancangan untuk berkembang, mengukuh dan menggunakan sebaiknya kecekapan teras dalam penyediaan EMS

bagi produk elektronik industri, selain terus meluaskan perniagaan ke dalam pengeluaran modul internet kebendaan (IoT) yang ditawarkan sejak awal 2020.

Beliau berkata, ATech juga mengembangkan kemudahan pengeluaran dengan pembinaan kilang baharu bersebelahan kilang sedia ada di Taman Teknologi Tinggi Kulim.

Katanya, kilang baharu itu membolehkan ATech menambah ruang lantai untuk mengembangkan pengeluaran modul komponen semikonduktor bagi memenuhi pengeluaran pek bateri Litium Ion dan operasi EMS sedia ada.

"Keseluruhannya, kami akan memiliki 15 barisan teknologi pemasangan permukaan (SMT) menjelang akhir 2023 dari kedua-dua kilang baharu dan penambahan kilang sedia ada.

"Barisan SMT baharu ini akan meningkatkan kapasiti tahunan kami 198.7 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2024 berbanding tahun kewangan 2021 untuk memenuhi jangkaan pertumbuhan permintaan daripada pelanggan," katanya pada pelancaran prospektus ATech secara maya, semalam.

IPO ATech merangkumi 103.87 juta saham biasa termasuk penerbitan awam 77.01 juta saham dan tawaran untuk jualan sehingga 26.86 juta saham.

Tawaran institusi pula sehingga 80.96 juta saham mewakili 22.60 peratus saham terbitan yang dibesarkan, manakala tawaran runcit sehingga 22.91 juta saham, mewakili 6.40 peratus daripada saham terbitan yang dibesarkan, akan ditawarkan pada harga runcit RM1.36 sesaham.

Tawaran institusi merangkumi 44.77 juta saham IPO mewakili 12.50 peratus daripada saham terbitan dibesarkan kepada pelabur Bumiputera yang diluluskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sementara sehingga 36.19 juta saham IPO mewakili 10.10 peratus saham terbitan dibesarkan untuk institusi Malaysia dan pelabur terpilih.

Tawaran runcit pula merangkumi lima juta saham terbitan mewakili 1.40 peratus daripada saham terbitan dibesarkan untuk pengarah, kakitangan yang layak dan individu yang menyumbang kepada syarikat, sementara 17.91 juta saham terbitan mewakili lima peratus daripada saham terbitan dibesarkan diperuntukkan

untuk orang awam Malaysia menerusi cabutan undi.

ATech mengunjur untuk meraih RM104.73 juta hasil daripada IPO, dengan RM40 juta akan digunakan bagi membeli mesin dan peralatan baharu, RM29.52 juta bagi pembayaran balik pinjaman, RM28.13 juta bagi modal kerja dan RM7.08 juta bagi perbelanjaan penyenaraian.

Syarikat itu menawarkan pilihan EMS yang menyeluruh kepada syarikat multinasional di 11 negara meliputi Asia Pasifik, benua Amerika dan Eropah.

Perkhidmatan itu merangkumi perkhidmatan sokongan kejuruteraan, prototaip, pemasangan papan, pemasangan mekanikal dan ujian bagi peranti komunikasi, peranti IoT, peranti elektronik dan modul komponen semikonduktor diguna oleh industri telekomunikasi, pengangkutan, pengurusan tenaga dan IoT.

Dengan rekod prestasi selama 28 tahun, ATech membina perniagaan berasaskan perkongsian jangka panjang dengan pelanggan, apabila semua lima pelanggan utama syarikat adalah firma asing atau anak syarikat kepada syarikat senaraian awam Amerika Syarikat (AS).

Barisan SMT baharu ini akan meningkatkan kapasiti tahunan kami 198.7 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2024 berbanding tahun kewangan 2021 untuk memenuhi jangkaan pertumbuhan permintaan daripada pelanggan

Lee Chong Yeow, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ATech



Bagi tahun kewangan 2021, produk komunikasi dan IoT menyumbang 89.5 peratus kepada hasil ATech, peranti elektronik sebanyak 9.4 peratus dan komponen semikonduktor kurang satu peratus.

Tiga negara utama dari segi sumbangan hasil bagi tahun kewangan 2019 hingga tahun kewangan 2021 adalah AS, Malaysia dan Singapura yang secara kolektif mewakili 93.6 peratus, 92.7 peratus dan 89.3 peratus daripada jumlah keseluruhan perolehan.

Maybank Investment Bank Bhd adalah Penasihat Prinsipal, Penaja Jamin Utama dan Penaja Jamin Tunggal bagi IPO berkenaan.